



12 DEC, 2025

FAMA mula eksport produk halal tempatan ke Filipina

Sinar Harian, Malaysia

FAMA mula eksport produk halal tempatan ke Filipina

MALAYSIA terus memperkukuh kedudukannya sebagai pengeksport produk halal di rantau ASEAN menerusi penghantaran fasa pertama dua kontena produk agromakanan bernilai RM338,408 ke Filipina, dengan jumlah eksport keseluruhan dijangka mencecah RM4.15 juta hingga tahun hadapan.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, kerjasama perdagangan dan perluasan pasaran halal ke Filipina menandakan rekod baharu sekali gus menjadikan republik itu sebagai pasaran halal keempat terbesar negara, selepas China, India dan Indonesia.



AMINUDDIN

"Penghantaran itu merupakan sebahagian Program Penerokaan Pasaran Filipina membabitkan 20 kontena ke Manila dan Marawi secara berfasa, merangkumi lapan unit simpanan stok (SKU) produk Agromas termasuk kopi, mi segera, marjerin dan ayam segar," katanya pada Majlis Pelepasan Produk Agromakanan Ke Pasaran Filipina di Ibu Pejabat FAMA, Bandar Baru Selayang baru-baru ini.

Aminuddin berkata, Malaysia memiliki kekuatan sebagai pengeluar produk halal manakala Filipina semakin menitikberatkan pensijilan halal, menawarkan peluang pasaran yang lebih besar kepada produk negara. - *Bernama*

AMINUDDIN membuat pelepasan pada Program Pelepasan Produk Agromakanan ke Pasaran Filipina yang diadakan di Ibu Pejabat FAMA baru-baru ini.



FOTO: BERNAMA



12 DEC, 2025

FAMA mula eksport produk halal tempatan ke Filipina

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

MALAYSIA terus memperkukuh kedudukannya sebagai pengeksport produk halal di rantau ASEAN menerusi penghantaran fasa pertama dua kontena produk agromakanan bernilai RM338,408 ke Filipina, dengan jumlah eksport keseluruhan dijangka mencecah RM4.15 juta hingga tahun hadapan. Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, kerjasama perdagangan dan perluasan pasaran halal ke Filipina menandakan rekod baharu sekali gus menjadikan republik itu sebagai pasaran halal keempat terbesar negara, selepas China, India dan Indonesia.